

SH 1/4/09 m/s T8

# Earth Hour petanda isu alam sekitar dapat perhatian

**MENGABANG TELIPOT** – Meskipun tidak semua memberikan sokongan terhadap Kempen Jam Bumi (Earth Hour) bagi mengurangkan pemanasan global dengan memadamkan lampu selama satu jam tetapi ia tetap memperlihatkan peningkatan dari aspek kesedaran dalam kalangan masyarakat masa kini.

Timbalan Presiden Kelab Teknologi Alam Sekitar (Entech) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Erewan Effenddy Asnawi berkata, penyertaan kali pertama rakyat negara ini dilihat sebagai petanda awal bahawa isu yang memabitkan alam sekitar semakin mendapat perhatian.

“Sokongan sebeginilah kita mahu lihat dalam kalangan masyarakat kerana melalui sumbangan yang sedikit diberikan itu berupaya membawa perubahan amat besar bagi menangani masalah pemanasan global.

“Masalah ini yang kini berada pada tahap membimbangkan tidak mustahil akan mencapai ukuran kri-



● Penuntut bergambar sempena penyertaan kali pertama bagi menjayakan Program Earth Hour UMT 2009 di pekarangan Kediaman Penuntut UMT Tok Jembal.

tikal sekiranya tidak dibendung segera secara bersama.

“Justeru, usaha yang dilakukan ini adalah salah satu cara untuk menyedarkan masyarakat secara keseluruhannya,” katanya kepada **Sinar Harian** sempena Program Earth Hour UMT

2009 yang berlangsung di pekarangan Kediaman Penuntut UMT Tok Jembal, di sini.

Menurut Erewan Effenddy, kesedaran awal dalam kalangan penuntut mengenai masalah berkenaan adalah perkara yang perlu diberi penekanan kerana

mereka adalah generasi akan menerajui negara pada masa akan datang.

“Alhamdulillah, penyertaan yang ditunjukkan penuntut begitu membe-rangsangkan dan ia adalah permulaan terbaik bagi mencambahkan lagi nilai kesedaran dalam kalangan

masyarakat.

“Sepanjang satu jam bergelap, pelbagai program turut diadakan seperti tayangan video mengenai negara yang turut serta memadamkan lampu, ucapan mengenai isu pemanasan global dan juga acara memasang lilin,” katanya.